

Tiada makna maju jika menderita - Mahathir

m/s: 2

UM - (8/2/2019)

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Pemi-
likan rumah yang selesa dalam
kalangan rakyat mencerminkan
kejayaan dan kemajuan
sebuah negara.

Perdana Menteri, Tun Dr.
Mahathir Mohamad berkata,
sebuah negara yang menca-
pai status maju tidak memberi
makna besar jika rakyat masih
tidak memiliki rumah dan
hidup menderita.

Sehubungan itu, ujarnya,
kerajaan sedaya upaya me-
ngotakan janji menyediakan
sejuta rumah mampu milik
dalam tempoh 10 tahun wa-
alaupun mengalami masalah
kewangan, menerusi kerjasa-
ma dengan pihak swasta.

“Tidak ada makna negara
maju kalau rakyat hidup men-
derita, hidup dalam keadaan
tidak selesa, hanya dapat
melihat sahaja kemajuan dica-
pai negara tetapi tidak dapat
menikmati kemajuan ini.

“Oleh itu, kita akan lihat ada
tempat kerajaan bangunkan
rumah, ada tempat lain yang
swasta akan bangunkan ru-

Tidak ada makna
negara maju kalau
rakyat hidup
menderita, hidup
dalam keadaan
tidak selesa, hanya
dapat melihat sahaja
kemajuan dicapai
negara tetapi tidak
dapat menikmati
kemajuan ini

MAHATHIR MOHAMAD

mah. Saya yakin pihak swasta
prihatin dengan masalah ini,”
katanya ketika berucap dalam
majlis Pelancaran Dasar Ko-
muniti Negara di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri
Besar Selangor, Amirudin Sha-
ri; Menteri Perumahan dan
Kerajaan Tempatan, Zuraida
Kamaruddin; Menteri Kesiha-
tan, Dr. Dzulkefly Ahmad; dan
Menteri Komunikasi dan Mul-

timedia, Gobind Singh Deo.

Mengulas mengenai Dasar
Komuniti Negara, Zuraida
berkata, dasar berkenaan
dibentuk bagi menyokong
agenda Dasar Perumahan Ne-
gara dalam mempertingkat-
kan kualiti hidup masyarakat.

Jelas beliau, Dasar Komu-
niti Negara memiliki lapan
kluster meliputi hal ehwal
antara ekonomi, pembangu-
nan masyarakat, infrastruk-
tur penyelenggaraan, ke-
prihatinan kepada golongan
terpinggir dan sukan serta
rekreasi.

Ujarnya, buat permulaan
Lembah Subang 2 dijadikan
sebagai program perintis de-
ngan pelaksanaan 32 program
yang turut melibatkan agensi
swasta dalam usaha memba-
ngunkan kawasan strata.

“Seterusnya Kementerian
akan melaksanakan program ini
ke peringkat kedua di 19 PPR
(Projek Perumahan Rakyat)
dalam jagaan kami dan kemun-
dian PPR di seluruh negara,”
katanya.